


Puncak Gunung Machinchang ialah ikon kepada Taman Georimba Kambria Machinchang dan merupakan puncak kedua tertinggi di Langkawi (708 m). Banjaran Gunung Machinchang terdiri daripada batu pasir Formasi Machinchang, iaitu batuan tertua di Asia Tenggara (550-500 juta tahun). Keunikan landskap Machinchang terhasil oleh proses pengangkatan dasar laut menyebabkan lapisan sedimen termiring landai dan diikuti oleh hakisan air hujan yang berterusan. Hasil proses hakisan yang berpanjangan menghasilkan permatang puncak-puncak yang tajam dan lurah yang dalam seakan mata gergaji (*hogback*).

Lapisan batu pasir di puncak Machinchang menghasilkan habitat istimewa, iaitu hutan batu pasir yang didominasi oleh pokok kelat bukit (*Syzygium attenuatum*), Tongkat Ali (*Eurycoma longifolia*), buluh pemanjat (*Dinchochia malayana*), periuk kera (*Nepenthes sanguinea*) dan Katak kecil sarang buih (*Raorchestes parvulus*). Kebanyakan pokok di sini terbantu, batang bersimpul dan daun berilin sebagai adaptasi kepada keadaan tanah yang telap air dan kurang nutrien. Landskap seakan batu dicincang mengilhamkan mitos pergaduhan antara gergasi Mat Chinchang dengan Mat Raya. Akhirnya, Sang Gedembai menyumpah mereka menjadi Gunung Machinchang dan Gunung Raya. Puncak Machinchang adalah sebahagian daripada georintis Taman Georimba Kambria Machinchang, dan merupakan daya tarikan utama pelancong kerana titik pandang 360° yang mempersonakan ini boleh dikunjungi dengan menaiki kereta kabel yang tercuram di dunia.

The peaks of Gunung Machinchang are iconic to the Machinchang Cambrian Geoforest Park and is the second-highest peak on Langkawi (708 m). The Machinchang Mountain Range consists of Machinchang Formation sandstone, the oldest rocks in Southeast Asia (550-500 million years). The uniqueness of the Machinchang landscape is derived from the uplift process of the seafloor, resulting in a gently dipping sedimentary layers, followed by prolonged erosion by rainwater. The prolonged erosion process resulted in ridges with sharp peaks and valleys (*hogback*).

The sandstone layers at the top of Machinchang produce a special habitat for sandstone forest dominated by *Syzygium attenuatum*, *Eurycoma longifolia*, bamboo climber (*Dinchochia malayana*), pitcher plants (*Nepenthes sanguinea*) and Tiny bubble-nest frogs (*Raorchestes parvulus*). Most of the trees here are stunted, with gnarled stems and waxy leaves as an adaptation to porous soil and poor nutrient conditions. This landscape that looks as if being chopped, inspired the myth of the fight between two giants, Mat Chinchang and Mat Raya. In the end, Sang Gedembai cursed them into Gunung Machinchang Mountain and Mount Raya. The peak of Machinchang is part of the Machinchang Cambrian Geoforest Park geotrail and is also the main tourist attraction due to the breathtaking 360° viewpoint that can be accessed via the world's steepest cable car.



Evolusi pembentukan landskap Banjaran Machinchang
Evolution of the Machinchang range landscape



Puncak Machinchang dengan puncak-puncaknya yang tajam dan lurah yang dalam (*hogback*)
Machinchang ridges with sharp peaks and deep valleys (*hogback*)

Hutan batu pasir di puncak Machinchang
Sandstone forest of Machinchang peak



Struktur kesan riak di puncak Machinchang adalah rekod sedimen yang diendapkan di kawasan pantai laut
Ripple mark structures at the Machinchang peak is a record of sediment deposited at the sea shore area



Buluh pemanjat
Climbing bamboo
Dinchochia malayana



Katak kecil sarang buih
Tiny bubble-nest frog
Raorchestes parvulus